

RM50,000 Diperuntukkan untuk Usahawan Wanita DUN Limbongan, Kelantan

Oleh: Nur Addina An'umillah Nazri, 1180387

PASIR PUTEH: Sebanyak RM50,000 diperuntukkan kepada usahawan wanita Dewan Undangan Negeri (DUN) Limbongan, Kelantan disampaikan dalam dua fasa.

Bantuan fasa pertama yang berjumlah RM25,000 disampaikan oleh YB Ustaz Mohd. Nazlan Mohd Hasbullah, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Limbongan dan Faudziah Yusof, Ketua Muslimat DUN Limbongan di Pusat Khidmat DUN Limbongan pada 25 November yang lalu.

Bantuan peralatan fasa pertama diberikan kepada 15 penerima seperti peti sejuk beku, mesin penipis doh, mesin jahit dan sebagainya, manakala untuk pembahagian pada fasa dua dianggarkan antara 20 hingga 30 penerima yang akan menerima bantuan tersebut.



Dari kiri, Faudziah Yusof, Ketua Muslimat DUN Limbongan, Syahanira Salleh, penerima Bantuan Usahawan Wanita, YB Ustaz Mohd Nazlan Mohd Hasbullah ADUN Limbongan. (foto Mtd Limbongan Pasir Puteh)

Bantuan yang diberikan kerajaan negeri Kelantan di bawah urus setia kebajikan wanita dan keluarga tersebut bertujuan untuk membantu golongan usahawan wanita dalam menghasilkan dan memasarkan barangan jualan mereka dengan memberi bantuan peralatan yang diperlukan mengikut jenis perniagaan yang dijalankan.

Golongan sasar dalam kalangan usahawan wanita yang menerima bantuan tersebut ialah ibu tunggal serta golongan B40 dan bantuan diberikan kepada seorang atau lebih dari setiap mukim di bawah DUN Limbongan.

Syahanira Salleh, 34, penerima bantuan berbentuk peti sejuk beku, mesin penguli tepung dan mesin penipis doh menyatakan perasaan gembiranya kerana bantuan tersebut dapat membantu memudahkan lagi proses dalam penjualan karipap sejuk bekunya.

Beliau berharap dengan adanya bantuan yang diberikan oleh kerajaan Kelantan, jumlah pengeluaran dan pasaran produk jualannya dapat ditingkatkan lagi pada masa akan datang.

Nazlan berkata, “Saya berharap usahawan wanita yang menerima bantuan tersebut dapat menggunakan peralatan yang diberikan sebaiknya dan mungkin pada masa akan datang, golongan ini akan dibantu lagi untuk melebarkan perniagaan mereka.”

Beliau juga menambah bahawa kursus-kursus dan latihan yang terhenti sejak pandemik Covid-19 akan diteruskan lagi pada masa akan datang untuk memberi bimbingan dan galakan untuk usahawan-usahawan di luar sana.